

Semua negeri komited percepat projek RMK-9

BH-15/3/2007

NGO mahu perhatian serius diberi terhadap projek diluluskan

Oleh Misiah Taib, Ahmad Naim Tahir, Norfatimah Ahmad,
Johan Afandi, Mohd Anwar Patho Rohman, Azrone Sarabatin
dan Baharom Bakar

KUALA LUMPUR: Kerajaan negeri komited merealisasikan saranan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya semua projek sepanjang Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) dipercepatkan untuk manfaat rakyat dan negara.

Malah, kepimpinan negeri menerima pandangan itu secara terbuka dan memberi jaminan akan mematuhi arahan Perdana Menteri itu.

Selain itu, beberapa pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pula mahu perhatian serius diberikan terhadap setiap projek diluluskan kerana ia mempunyai kepentingan tersendiri kepada kumpulan sasar.

Di **MELAKA**, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kerajaan negeri menyegerakan pelaksanaan semua projek dalam RMK-9.

Beliau berkata, setakat ini hampir 20 peratus atau 162 daripada 837 projek dalam RMK-9 di Melaka sudah disiapkan, manakala 175 projek dalam pelaksanaan mengikut jadual dan lima sedang dipantau kerana melepasi jadual.

"Sebanyak 484 lagi projek dalam perancangan dan 11 lagi projek belum dimulakan," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri mengarahkan semua kerajaan negeri

mempercepatkan pelaksanaan projek dalam RMK-9 dan meningkatkan lagi keberkesanan kerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri juga mengingatkan semua menteri besar dan ketua menteri supaya memastikan kontraktor terabit dalam pelaksanaan projek kerajaan, mendapat bayaran segera.

Peringatan itu disampaikan beliau pada mesyuarat dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Putrajaya baru-baru ini.

Di **SEREMBAN**, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata setiap projek dipantau dan diselaraskan untuk memastikan ia disiapkan mengikut jadual atau lebih awal,

FAKTA NOMBOR

Projek RMK-9 di Melaka

837

Projek

162

Projek disiapkan

manakala laporan kemajuan projek dibentangkan pada mesyuarat mingguan Exco serta mesyuarat bulanan Majlis Tindakan Pembangunan negeri.

"Kita tidak berkompromi dalam memastikan setiap projek pembangunan serta program untuk rakyat dirancang dalam RMK-9 disegerakan dan berjalan lancar. Alhamdulillah, projek sudah dilancarkan setakat ini tidak berdepan sebarang masalah serius," katanya.

Di **KUALA TERENGGANU**, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Terengganu memberi kelulusan serta-merta kepada kontraktor untuk memasuki tapak bagi memastikan projek RMK-9 dilaksanakan lebih awal.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata kerajaan negeri juga memastikan setiap tuntutan yang dikemukakan perunding dilunaskan dalam masa tujuh hari kerja selepas menerima tuntutan.

Di **GEORGETOWN**, kerajaan negeri mengarahkan Majlis Pembangunan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan mempercepatkan pelaksanaan setiap projek dalam RMK-9.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, berkata semua projek berkaitan RMK-9 dijalankan mengikut panduan disediakan Kerajaan Persekutuan supaya hasilnya sempurna dan siap pada masanya.

Abdul Rashid berkata, bagi memastikan projek berkenaan dapat dipercepatkan, Jabatan Pembangunan Negeri akan memantau setiap projek yang dilaksanakan pada setiap bulan.

Di **KOTA KINABALU**, Ketua Merinyu Projek Pembangunan Sabah, Datuk Lajim Ukin, berkata kelemahan pelaksanaan RMK-8 yang menyebabkan ada projek tertangguh dan gagal dimulakan menjadi pengajaran supaya tidak berulang.

Di **JOHOR BAHRU**, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri, Ahmad Zahri Jamil, berkata Johor mempunyai rekod baik dalam RMK-8, selepas berjaya melaksanakan 95 peratus daripada projek yang dirancang.

"Dalam RMK-9, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman sendiri memberi penekanan dan pendekatan yang tegas supaya semua projek untuk rakyat dapat dilaksanakan mengikut jadual," katanya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Reezal Merican Naina Merican menganggap arahan Perdana Menteri itu sebagai peringatan awal buat semua pihak terutama kerajaan negeri supaya tidak ada lagi projek yang gagal disiapkan seperti dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan sebelumnya.